

04 JUN 2000  
Zaharah-Umno

TIADA PETUNJUK MENGENAI PELANTIKAN MENGANGGOTAI MT - ZAHARAH

PETALING JAYA, 4 Jun (Bernama) -- Bekas Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata beliau tidak menerima sebarang petunjuk daripada presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pelantikannya menganggotai Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Beliau berkata media seharusnya menunggu pengumuman rasmi Dr Mahathir dan tidak membuat spekulasi mengenai perkara itu sekarang.

"Itu prerogatif presiden, tanyalah presiden," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Terbuka Persatuan Pure Life di sini, hari ini.

Zaharah, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, mengulas laporan terbaru akhbar Wawasan Merdeka keluaran Umno yang menyebut bahawa beliau adalah seorang daripada tiga tokoh Wanita Umno yang akan dilantik menganggotai MT.

Beliau tewas kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz sebanyak 12 undi dalam perebutan jawatan Ketua Wanita pada pemilihan parti bulan lepas.

Sebelum ini, Rafidah dilaporkan telah mengemukakan dua nama sebagai wakil pergerakan itu ke MT iaitu Naib Ketua Datuk Shahrizat Abdul Jalil dan anggota Exco Dr Norraesah Mohamad.

Dalam mesyuarat MT esok, yang pertama selepas perhimpunan agung, Dr Mahathir dijangka mengumumkan senarai 10 anggota MT yang dilantik. Sebanyak 25 anggota MT lain telah dipilih pada pemilihan Umno lepas.

Ditanya apakah perasaannya sekiranya beliau dilantik sebagai anggota MT, Zaharah berkata: "Baguslah. Kita memang buat kerja."

Terdahulu dalam ucapannya, Zaharah berkata kerajaan telah melaksanakan sebahagian besar peruntukan yang termaktub dalam Konvensyen Hak Kanak-kanak 1995 melalui pelbagai program yang telah dijalankan kerajaan.

Katanya antara peruntukan dalam konvensyen itu ialah supaya kanak-kanak bawah 18 tahun diberi perlindungan daripada sebarang kesukaran serta rintangan hidup dan diberi hak untuk membesar dengan sihat dan mendapat penjagaan sempurna.

Menurutnya kerajaan memberi jaminan kepentingan kanak-kanak seperti yang dihasratkan dalam konvensyen itu akan terus diberi keutamaan.

-- BERNAMA  
NY RI